

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

KUTKM.02/10.12/2Jld.2(23)

5 FEBRUARI 2004

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 7/2004

OBJEKTIF KUALITI SISTEM MS ISO 9000:2000 KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf mengenai objektif Kualiti Sistem MS ISO 9000:2000 di Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Objektif adalah satu kenyataan keputusan yang ingin dicapai oleh sesebuah organisasi selepas sesuatu tempoh tertentu. Ianya diwujudkan sebagai asas kepada perancangan program yang akan dilaksanakan.
- 2.2 Objektif kualiti KUTKM yang diwujudkan adalah sebagai asas perancangan program kualiti yang akan dilaksanakan di KUTKM. Objektif ini perlu bagi memenuhi keperluan ISO 9001:2000 (**Fasal 5.4.1**)
- 2.3 Sembilan (9) objektif yang digubal ini adalah selaras serta mengambil kira semua ciri-ciri kualiti yang ditetapkan dalam dasar dan slogan kualiti KUTKM yang telah diwujudkan dan dilancarkan pada 7 Oktober 2003 yang lalu iaitu :

DASAR KUALITI

“Semua warga KUTKM beriltizam memberi perkhidmatan, pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan masyarakat yang berkualiti dan berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan”.

SLOGAN KUALITI

“Kualiti Teras Kecemerlangan”

3.0 OBJEKTIF KUALITI KUTKM

3.1 Sembilan (9) objektif kualiti yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil.2/2004 pada 21 Januari 2004 adalah seperti berikut :

- **Meningkatkan kepuasan pelajar**
- **Meningkatkan tahap pencapaian pelajar**
- **Melaksanakan penambahbaikan yang berterusan**
- **Menanamkan nilai dan budaya bekerja yang cemerlang**
- **Mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat**
- **Menghasilkan penemuan penyelidikan terkini serta bermanfaat kepada masyarakat**
- **Menawarkan perkhidmatan perundingan yang cekap dan berkesan**
- **Menyumbang kepakaran universiti untuk meningkatkan tahap kualiti masyarakat sejagat**
- **Mendapatkan dan mengekalkan pengiktirafan MS ISO 9001:2000**

4.0 OBJEKTIF KUALITI DI PERINGKAT UNIT-UNIT OPERASI.

4.1 Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil 2/2004 turut bersetuju supaya unit-unit operasi iaitu Fakulti dan Jabatan menentukan sendiri sasaran bagi setiap objektif ini dengan **berpandukan kepada garis panduan indikator objektif kualiti seperti di lampiran.**

4.2 Bagi tujuan ini, unit-unit operasi bebas mensasarkan pencapaian yang sama atau lebih tinggi mengikut kesesuaian dan perancangan strategik unit operasi masing-masing.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan. Adalah menjadi tanggungjawab semua staf fakulti dan jabatan memahami dan seterusnya menjadikan sebagai asas kepada kejayaan program kualiti yang akan dilaksanakan.

Sekian, dimaklumkan.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah

HASAN BIN SIRUN

Pendaftar

sk YBhg. Datuk Rektor
Timbalan Rektor (Akademik)
Timbalan Rektor (Pembangunan & Perancangan Korporat)
Pegawai-pegawai Kanan / Dekan

LAMPIRAN

OBJEKTIF KUALITI KUTKM

OBJEKTIF KUALITI	INDIKATOR
1. Meningkatkan kepuasan pelajar	<ul style="list-style-type: none">• Purata 3.0 dalam skala 5.0 (indeks kepuasan pelanggan)
2. Meningkatkan tahap pencapaian pelajar	<ul style="list-style-type: none">• Memastikan 30% pelajar ijazah pertama mendapat CGPA 3.0 ke atas semasa pengijazahan• 5% pelajar mendapat CGPA 3.7
3. Melaksanakan penambahbaikan yang berterusan	<ul style="list-style-type: none">• Minimum 25% penambahbaikan daripada jumlah perkhidmatan yang ditawarkan setiap tahun• Mencapai ketidakakuran sifar
4. Menanamkan nilai dan budaya bekerja yang cemerlang	<ul style="list-style-type: none">• 70% staf mencapai tahap sekurang-kurangnya 80% markah penilaian prestasi• Setiap aduan pelanggan akan diambil tindakan selewat-lewatnya 3 hari bekerja• Memastikan 90% responden soal selidik menilai perkhidmatan adalah cemerlang
5. Mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat	<ul style="list-style-type: none">• Kemalangan sifar

<p>6. Menghasilkan penemuan penyelidikan terkini serta bermanfaat kepada masyarakat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan 40% daripada pensyarah terlibat dalam kerja penyelidikan • Menerbitkan sekurang-kurangnya 50 penerbitan setahun dalam <u>Jurnal Akademik</u>¹
<p>7. Menawarkan perkhidmatan perundingan yang cekap dan berkesan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang dipersetujui
<p>8. Menyumbang kepakaran universiti untuk meningkatkan tahap kualiti masyarakat sejagat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <u>Mengkomersialkan</u>² sekurang-kurangnya 25% hasil penyelidikan • Mengadakan sekurang-kurangnya 6 program kemasyarakatan setahun
<p>9. Mendapatkan dan mengekalkan pengiktirafan MS ISO 9001:2000</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2000 bagi proses teras pengajaran dan pembelajaran selewat-lewatnya pada bulan Mei 2005. • Mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2000 bagi penyelidikan dan perundingan pada tahun 2006

Nota:

- | | | |
|---------------------|---|--|
| 1. Jurnal Akademik | - | termasuk penulisan ilmiah |
| 2. Mengkomersialkan | - | komersial bermaksud penyelidikan yang bercirikan nilai-nilai komersial |